



## KENYATAAN MEDIA

### **MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMERKASAAN PROJEK EKONOMI KOMUNITI RUKUN TETANGGA: KEMPEN KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI DENGAN KERJASAMA BIOLESTARI**

**30 Januari 2023, RAWANG, SELANGOR** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program Pemerksaan Projek Ekonomi Komuniti Rukun Tetangga (KRT) di Rawang, Selangor pada 30 Januari 2023. Ini merupakan program yang julung kalinya dilaksanakan dan merupakan satu inisiatif oleh Kementerian dengan kerjasama BioLestari bagi memperkasakan projek-projek ekonomi komuniti KRT ke arah kesejahteraan komuniti.

2. Sempena majlis perasmian ini, YB Menteri telah mengadakan lawatan ke pameran dan Jualan Projek Ekonomi RT. YB Menteri memulakan ucapannya dengan menyatakan penghargaan atas inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kementerian serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Selain itu, YB Menteri juga turut menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada syarikat BioLestari kerana sudi menjadi Rakan Strategik Kementerian dalam menjayakan projek ini. Turut hadir bersama dalam program tersebut ialah YBhg. Dato' Indera Noridah serta Timbalan Naib Canselor, Universiti Teknologi Petronas, YBhg. Professor Dr Nor Hisham Hamid.

3. Datuk Aaron dalam ucapannya berkata bahawa projek ini adalah bertujuan untuk membantu komuniti menjana pendapatan, mengurangkan kos sara hidup serta membantu rakyat yang terkesan dengan krisis ekonomi pada masa kini. Selain itu, program tersebut dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan minyak masak terpakai yang betul selaras dengan matlamat pembangunan mampan. YB Menteri amat menyokong program ini kerana dapat menjaga kelestarian alam sekitar. Terdapat 94 kawasan KRT di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya terlibat sebagai projek rintis bagi program ini. Projek rintis ini akan berlangsung selama tiga (3) bulan dan akan diperluaskan lagi ke seluruh kawasan RT di seluruh negara.

5. Disamping merasmikan projek tersebut, YB Menteri turut menyerahkan *Starter Kit* projek yang telah disediakan oleh pihak BioLestari kepada wakil KRT Negeri Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.

6. YB Menteri turut menyatakan bahawa pihak Kementerian sedang merangka pendekatan untuk membangunkan Komuniti Rahmah iaitu hubungan antara satu dengan yang lain hidup dalam keadaan kasih sayang.

7. Demi merealisasikan aspirasi Malaysia Madani, YB Menteri menyeru agar seluruh kepimpinan KRT untuk menghayati konsep rahmah dalam kehidupan bermasyarakat dan bertanggungjawab bagi membentuk komuniti yang berdaya tahan, berdaya maju dan seterusnya berdaya saing.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

30 Januari 2023

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (166)